

26 DEC 2002

Hishammuddin-Singapura

S'PURA ADA HELAH LEWATKAN PENYEDIAAN DOKUMEN TUNTUTAN PULAU BATU PUTEH

KUALA LUMPUR, 26 Dis (Bernama) -- Pengerusi Pemuda Barisan Nasional (BN) Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata Singapura mempunyai tujuan tertentu dalam melengahkan penyediaan dokumen untuk diserahkan kepada Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) mengenai tuntutan bersama dengan Malaysia terhadap Pulau Batu Puteh.

Beliau mendakwa Singapura sengaja berbuat demikian untuk mengalih perhatian rakyatnya daripada masalah dalaman yang dihadapi oleh republik itu.

Katanya Singapura berkeras untuk meneruskan pembinaan struktur di pulau itu mungkin kerana mengambil contoh kejayaan tuntutan Malaysia terhadap Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan berdasarkan pembinaan struktur tetap di kedua-dua pulau itu.

"Helah ini tidak akan berjaya. Kedua-dua pihak telah bersetuju untuk menyerahkan (isu tuntutan itu) ke ICJ dan mengikut segala prosedur dan jangka masa yang ditetapkan," kata Hishammuddin, yang juga Ketua Pemuda Umno, kepada pemberita selepas merasmikan Kejohanan Tarian Singa dan Naga Antarabangsa 2002 di Stadium Putra, Bukit Jalil dekat sini.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa Singapura belum mengemukakan sebarang dokumen bagi menyokong dakwaan bahawa pulau itu miliknya walaupun republik itu telah menyatakan persetujuan untuk berbuat demikian sejak empat tahun lepas.

Mengenai krisis kepimpinan Persatuan Kelab-kelab Belia Malaysia (MAYC), Hishammuddin yang juga Menteri Belia dan Sukan berkata tiada halangan baginya untuk membantu menyelesaikan masalah itu.

Beliau tidak menafikan terdapat pihak dalam MAYC yang telah memintanya menjadi orang tengah.

"Buat masa ini, saya tidak mahu menyebelahi mana-mana pihak dan keadaanpun tidaklah serumit mana," katanya.

Kejohanan tiga hari itu disertai 500 atlet mewakili 26 pasukan dari 14 negara termasuk China, Hong Kong, Jepun, Amerika Syarikat dan Malaysia.

-- BERNAMA

ZAS MAM NAK